

# Ilmu pengetahuan ramuan penting capai kejayaan

KUALA LUMPUR 29 Ogos - Menimba ilmu pengetahuan menerusi pengalaman dan pembelajaran serta kebolehan untuk menggunakannya dengan cara pemikiran strategik adalah ramuan yang amat penting bagi mencapai kejayaan, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Seorang pemuda hari ini mungkin lebih berpengetahuan berbanding seorang lelaki berusia 80 tahun sekiranya beliau mengambil inisiatif untuk menimba ilmu pengetahuan yang dikumpulkan oleh orang lain sebelumnya seperti para ilmuan dan pemerhati yang terdahulu," katanya dalam ucapan bertajuk *The Thinking of a Thinker* (Pemikiran seorang Pemikir) pada Seminar Pemikiran anjuran Universiti Islam Antarabangsa di sini hari ini.

"Kita belajar kepentingan dalam cara, sistem, dan strategi mengikut etika orang-orang Eropah. Tapi kita lihat bahawa selepas perang, Jepun yang kalah sebaliknya dapat pulih dengan lebih baik berbanding Eropah yang menang," katanya.

Dr. Mahathir yang merupakan Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana berkata meniru kejayaan adalah logik, tapi Malaysia telah dapat memikirkan sendiri siapa yang lebih berjaya dan boleh dicontohi.

Beliau berkata orang lain mungkin ada melihat kejayaan Je-

pun, tapi tidak terfikir untuk menjadikan ia sebagai model.

Dr. Mahathir berkata semasa krisis kewangan pada tahun 1997, kebimbangan terhadap penjajahan telah mendorong Malaysia untuk memikir serta mencari penyelesaian yang bukan hanya boleh memulihkan ekonomi dan kewangan negara, tapi juga kemerdekaannya.

"Selepas kita belajar sendiri tentang bagaimana mata wang diuruskan, cara-cara perdagangan mata wang dijalankan dan mengumpulkan semua data, kita dapati ada cara yang boleh dilakukan untuk mendapatkan akses kepada mata wang itu dan menghentikan perdagangannya.

## Mengukuhkan

Menyentuh tentang orang-orang Muslim, beliau berkata menimba ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang sains, sebenarnya akan mengukuhkan ummah dan meningkatkan kepercayaan mereka kepada Allah.

"Kita boleh berjaya dan kuat sekiranya berfikir terlebih dahulu sebelum melangkah. Tidak berfikir akan bermakna kita gagal untuk menghargai nilai pemberian ini. Samajuga keadaanya jika pemberian ini di salah guna, dan berbuat kesalahan adalah sama keadaannya seperti kita tidak bersyukur kepada pencipta kita," tambahnya.— Bernama